

# Penarikan vaksin kerana tak relevan situasi semasa



Oleh Prof Madya Dr Malina Osman  
bhrencana@bh.com.my

**Penarikan** balik vaksin Astrazeneca baru-baru ini menarik perhatian banyak pihak terutama media dan masyarakat di Malaysia. Terdapat pihak menyuarakan kebingungan terhadap kesan klinikal berkemungkinan memudaratkan terkait dengan vaksin berkenaan.

Tidak kurang juga dalam kalangan kita yang antivaksin mula mencipta isu sampingan terutama impak negatif pengambilan vaksin untuk terus menyuburkan keresahan masyarakat.

Hakikatnya, syarikat pengeluar vaksin secara sukarela menarik balik kebenaran pemasaran lebih menjurus kepada keputusan dari sudut situasi semasa logistik perniagaan dan pasaran, bukan disebabkan faktor farmasiutikal vaksin berkenaan.

Ini kerana dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat lebih stok vaksin Astrazeneca sedia ada. Melalui pengetahuan terkini berkaitan perubahan mutasi strain virus COVID-19 yang berlaku terlalu cepat, penghasilan vaksin kontemporari sesuai dengan strain semasa agak sukar dilakukan.

Oleh sebab itu, sebahagian vaksin dihasilkan sebelum ini sudah tidak lagi relevan atau berkesan untuk mencegah jangkitan teruk disebabkan strain virus COVID-19 selepas sesuatu jangka masa.

Bermakna, stok vaksin Astrazeneca dikatakan berlebihan itu sudah tidak berkesan untuk digunakan pada masa ini. Dengan kata lain, penarikan balik

vaksin Astrazeneca adalah kerana pemberian vaksin itu tidak lagi bermanfaat untuk melindungi seseorang daripada jangkitan COVID-19 pada masa ini.

Situasi ini tidak ada kena mengena dengan keadaan ketika pandemik 2020-2022 lalu yang mana, vaksin dihasilkan ketika itu relevan dengan strain virus ketika pandemik.

Pihak Astrazeneca juga memaklumkan kemungkinan berlaku pendarahan otak luar biasa sebagai salah satu risiko pengambilan vaksin dihasilkan sebelum ini khasnya ketika pandemik



mengganas di seluruh dunia dua tahun lalu.

Perlu diketahui semua pihak, kesan sampingan akibat pengambilan sebarang jenis ubat ataupun vaksin adalah perkara diperakui boleh berlaku akibat variasi biologi dalam setiap tubuh individu.

## Komplikasi berlaku dalam 24 jam

Kesan alahan atau pelbagai tindak balas luar jangka yang didokumentasikan pihak berkuasa kesihatan sentiasa dipantau dan dimaklumkan untuk masyarakat awam.

Sebarang komplikasi vaksin biasanya berlaku dalam tempoh 24 jam selepas pengambilan vaksin atau dalam tempoh beberapa hari. Tidak ada kesan sampingan serius seperti pendarahan otak atau inflamasi jantung akibat vaksin dilaporkan berlaku selepas enam bulan setakat ini.

Oleh itu, penarik balikan vaksin Astrazeneca sebenarnya bukan isu kesihatan awam perlu dirisaukan. Namun, persepsi negatif terhadap vaksin perlu dihentikan. Komen tidak berasas meniuap kebingungan serta tidak munasabah dalam pengambilan vaksin juga perlu dielakkan.

Justeru, individu pernah menerima dos Astrazeneca tidak perlu bimbang dengan keputusan syarikat farmasiutikal itu kerana selepas lebih dua tahun wabak berakhir, tidak timbul sebarang kemungkinan seseorang mendapat kesan serius akibat vaksin berkenaan.

Apa yang penting adalah untuk setiap individu terus menjaga kesihatan diri, menghormati individu lain untuk sentiasa menjaga etika batuk dan bersin serta sentiasa menjaga kebersihan tangan mengikut prosedur operasi standard (SOP) diperakui sebelum ini.

Pensyarah merangkap Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia